



PENTADBIRAN ZAKAT PENDAPATAN
DI NEGERI SELANGOR

NORLIZAWATI BT SIDEK

FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH
APRIL 2001

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia serta hidayahNya saya dapat menyiapkan kertas projek tahun akhir ini dengan sempurna. Semoga hasil yang sedikit ini akan sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah S.W.T.

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi ucapan terima kasih kepada Puan Fadilah Mohd Taufek selaku penyelia kertas projek ini diatas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya disepanjang saya menyiapkan kertas projek ini. Semoga segala jasa yang dicurahkan akan mendapat ganjaran yang sebaiknya dari Allah S.W.T.

Di dalam ruangan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ustaz Ghazali Ibrahim (Bekas Eksekutif Hukum Syariah Pusat Zakat Selangor), Ustaz Razali Hassani (Majlis Fatwa Negeri Selangor), Kakitangan Pusat Zakat Selangor serta semua yang terlibat

ABSTRAK

Persoalan zakat bukanlah merupakan perbincangan yang asing kepada masyarakat Islam di Malaysia. Malah, ia telah menjadi urusan utama bagi setiap individu muslim di negara ini memandangkan bahawa zakat adalah salah satu daripada lima rukun Islam yang menjadi asas kepada pembinaan sebuah masyarakat Islam yang sempurna. Ketidakasingan persoalan zakat bukanlah bermakna bahawa persoalan zakat telah difahami dengan cukup sempurna, baik dari segi pengertiannya, potensinya mahupun dari segi kedudukannya sebagai asas proses pembangunan masyarakat Islam.

Pendapatan /penggajian ataupun yang dikenali sebagai *Ai-Mal Ai-Mustafad* merupakan salah satu harta yang wajib di zakat. Majlis Fatwa telah memutuskan bahawa zakat keatas pendapatan dari penggajian adalah wajib keatas seseorang Islam yang layak dan cukup syarat-syaratnya.

Dengan itu, zakat tidak akan berpisah dengan sistem ibadah, ekonomi, dan sosial. Dengan perancangan yang rapi dan bersungguh-sungguh kelemahan yang ada dalam sistem zakat sekarang dapat dibarungkan

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT	
DEDIKASI	I	
PENGHARGAAN	II	
ABSTRAK	V	
SKOP KAJIAN	VII	
METHODOLOGI	VIII	
OBJEKTIF	IX	
SINOPSIS	X	
SENARAI JADUAL	XI	
ISI KANDUNGAN	XII	
BAB SATU		
PENTADBIRAN ZAKAT PENDAPATAN DI NEGERI SELANGOR		
1.1	Pengenalan	1
1.2	Falsafah Zakat	4
1.3	Jenis-jenis Zakat	7
1.3.1	Zakat Pertanian	8
1.3.2	Zakat PERNIAGAAN	9
1.3.3	Zakat EMAS & PERAK	10
1.3.3.1	Emas yang tidak di pakai	11
1.3.3.2	Emas yang di pakai	11

BAB 1

PENTADBIRAN ZAKAT PENDAPATAN DI NEGERI SELANGOR

1.1 PENGENALAN

Zakat dari segi bahasa Arab ialah bersih , suci , berkembang dan subur.¹ Dari segi Istilah syarak zakat ialah nama atau sebutan dari suatu hak Allah Taala yang dikeluarkan oleh seseorang kepada mereka yang layak menerimanya. Dinamakan zakat kerana didalamnya terkandung harapan untuk beroleh berkat membersihkan jiwa dan memupuk nya dengan pelbagai kebajikan.²

Firman Allah :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا
وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ
عَلِيمٌ ﴿٥٠﴾

Bermaksud :

*'Ambillah zakat dari harta benda mereka yang akan membersihkan dan menyucikan mereka'*³

¹ Tuntutan Ibadat Zakat, Puasa dan Haji ,Drs. Muhammadiyah Jaafar ,terbitan Kalam Mulia (1989) ,hlmn 1

² Fiqh Al-Sunnah ,Terjemahan Mahyuddin Syraf ,terbitan Victory Agencie(KL) ,jilid III ,hlmn 5

³ Surah Al-Taubah :103